



BULETIN

JUN
DIS
2014

Bil.2/2014/Edisi Ke-18
ISSN: 1985-8760

POLITEKNIK PORT DICKSON

Bersama Menuju Kecemerlangan



BENGGKEL PELAN TINDAKAN POLIPD 2015



MS 9

NOU POLI MEDAN



MS 3

TKPO RASMI LAMAN ALUMNI



MS 4

AUDIT ILKA

Wadah DARI PENGARAH

Sidang Redaksi

Bismillahirrahmannirahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi dan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menerbitkan Buletin keluaran ke dua tahun 2014 ini. Harapan saya agar wadah dan peristiwa yang dipaparkan dalam Buletin ini akan dapat mengeratkan silaturahmi dan hubungan muhibbah dengan semua pihak, demi kemajuan dan kecemerlangan akademik di PPD.

Kini, kita telah pun berada di akhir tahun dalam menggalas tanggungjawab kepada pelajar dan juga masyarakat secara amnya. Sepanjang masa tersebut, banyak aktiviti di peringkat dalaman mahupun di luar telah disertai oleh segenap lapisan warga kerja PPD. Banyak kejayaan dan kecemerlangan dilalui semasa penyertaan tersebut. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pematapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD.

Oleh yang demikian, saya sangat berharap semoga kesungguhan ini akan mempertingkatkan kegigihan dan bakti mulia untuk sentiasa menjana kecemerlangan politeknik ini ke mercu yang lebih gemilang. Saya sentiasa menaruh keyakinan bahawa barisan pensyarah dan staff di sini berkemampuan menaburkan bakti untuk memperkasakan lagi Politeknik Port Dickson di peringkat global.

Di samping itu, saya juga berharap semoga para pelajar dapat mempertingkatkan ketekunan dalam usaha menimba ilmu, terutama untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Sesungguhnya, ilmu dan pengetahuan yang kita taburkan akan menjadi obor yang sangat berguna dalam hidup sepanjang zaman.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam usaha membangunkan sahsiah dan pematapan organisasi di PPD.

Sekian wassalam.

MEJ.(K) HAJI MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM, DNS
Pengarah
Politeknik Port Dickson



“...banyak aktiviti di peringkat dalaman mahupun di luar telah disertai oleh segenap lapisan warga kerja PPD. Banyak kejayaan dan kecemerlangan telah diperolehi. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pematapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD...”

PENAUNG

MEJAR (k) TN.HJ.MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM.,DNS

PENASIHAT

Charim bin Ibrahim

Mohd Asri bin Sarbun

Ketua Editor

Izawati @ Siti Zawiyah bt Isa

Pen. Ketua Editor

Nagarajan aL Marimuthu

Editor

Rohana bt Hassan Basri

Azilah bt Asri

Juhana bt Simarani

Reka Bentuk Grafik

Azrin bin Mohammad

Muhamad Haffizi bin Jamil

Juru Foto

Mohd Sani Laili b Maslon



BERITA MENARIK





Laman Alumni PoliPD

20 Ogos - Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (TKPO), Tn Hj Kamaruddin bin Hamzah berserta delegasi dari seluruh Politeknik Malaysia hadir dan sudi untuk merasmikan LAMAN ALUMNI POLITEKNIK PORT DICKSON. Beliau juga merupakan antara Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam yang pernah berkhidmat di PoliPD sekitar tahun 1990an.

PoliPD amat berbesar hati dan berbangga dengan kehadiran TKPO dan semua delegasi untuk menyaksikan antara sumbangan Persatuan Alumni PoliPD (PAPPD) kepada institusi. Kini keahlian PAPPD adalah seramai 9753 orang sejak konvokesyen pada tahun 2009. Keahlian ini juga ditambah dengan penyertaan sebahagian graduan yang tamat pengajian sebelum tahun 2009. Disamping itu, terdapat 40 orang staff PoliPD adalah dalam kalangan alumni.

Dengan perasmian Laman Alumni, semua kakitangan dan pelajar dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Selain dari membangunkan Laman Alumni, PAPPD turut menyumbangkan TV Satelit, Ruang Rehat lengkap dengan Mesin Urut, "bean bag", "study table" ala Jepun, permaidani dan lukisan catan serta bilik perbincangan lengkap dengan sistem komputer internet berbayar dan pencetak, stesen pengecasan telefon bimbit. TKPO turut mencuba pelbagai kemudahan yang disediakan di LAMAN ALUMNI dan memuji usaha PAPPD ke arah pembangunan insaniah mahasiswa Politeknik Port Dickson. (Mohd Noralimi Mohd Ali)

LASER LEVEL MENANG di I-idea 2014



16 – 19 Sept - Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson telah menyertai pertandingan inovasi di peringkat *International Innovation Design and Articulation* di UiTM Perlis. Sebanyak 580 penyertaan termasuk universiti dalam dan luar negara telah menyertai perlbagai kategori. Politeknik Port Dickson yang diwakili oleh pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam; Mohd Hafiz Hussin, Zainal Ab. Rahman, Muhammad Iskandar Abu Thohib, Mohd Shafrizal Md Hassan dan Mohd Firhan Anuar telah memenangi pingat gangsa bagi projek inovasi mereka "laser level". Semoga pensyarah PoliPd sentiasa meneruskan kecemerlangan dalam bidang masing-masing. "STRIVE towards excellence"(Zainal Abdul Rahman)

NOU *Coca-Cola* dengan POLIPD



22 Sept - Satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani antara Politeknik Port Dickson dengan Coca-Cola Bottlers Malaysia (CCB) bagi perkongsian strategik dan kerjasama dalam skop pendidikan dan teknologi antara kedua-dua belah pihak. Dengan wujudnya kerjasama ini, kedua-dua belah pihak dapat merapatkan jurang yang wujud dalam menghasilkan tenaga kerja yang lebih praktikal dan inovatif, bahkan membuka jalan ke arah mencapai matlamat perkongsian strategik dalam pendidikan dan teknologi. Melalui perjanjian ini, promosi dan penyebaran ilmu dalam bidang mekanikal, khidmat nasihat bahagian teknikal, latihan dan penyelidikan, bimbingan kerjaya dan peluang pekerjaan dapat dipertingkatkan. Manakala bagi pihak industri pula, ia dapat membuka peluang kerja yang berkualiti dalam pembangunan sumber manusia hasil usaha sama dari segi teori dan teknikal bagi kedua-dua belah pihak. (Tham Sook Chan)

Audit ILKA



10 -11 Julai - Politeknik Port Dickson telah menjalani sesi audit Institut Latihan Kemahiran Audit (ILKA) yang diketuai oleh Pn Nenny Shahriza bt Samsuddin dan Norbaizurah Abdul Halim dari MQA bersama Hj Mohd Asri Chik dari Politeknik Merlimau mewakili Jabatan Pengajian Politeknik. Mejar (K) Mohd Kharir bin Ibrahim, Pengarah Politeknik Port Dickson, bersama pasukan pengurusan turut hadir semasa sesi tersebut. Audit ILKA ini telah melibatkan audit institusi dan audit program. Bagi audit institusi, antara perkara yang disemak adalah dari aspek kewangan, fizikal, pengurusan dan pentadbiran dan kapasiti pelajar dan staf sokongan. Sementara itu, perkara-perkara yang disemak pada audit program adalah tenaga pelajar, penganasan graduan, perbelanjaan, pembiayaan dan hubungan industri. Hasilnya, PoliPD telah berjaya menyediakan serta memenuhi keperluan audit ILKA seperti yang digariskan oleh JPP dan pihak MQA. (Hjh Zainab Musri)



PELAN TINDAKAN POLIPD 2015

3-5 Nov – Seramai 51 orang termasuk Pengarah PoliPD Tn Hj Mohd Kharir bin Ibrahim dan pasukan pengurusan serta pegawai kanan Politeknik Port Dickson telah berkampung dalam sesi bengkel 3 hari bagi menjana idea dalam menghasilkan strategi dan aktiviti pelan tindakan strategik dan hala tuju PoliPD menjelang 2015. Disamping itu, bengkel ini bertujuan membuat penyelarasan aktiviti dan peruntukan kewangan. Hasil resolusi perbengkelan ini, satu buku pelan strategik & hala tuju PPD 2015 akan diusahakan oleh Dr Isham Shah. Turut hadir semasa bengkel ini ialah Timbalan Pengarah Akademik, En Charim bin Ibrahim dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Tn Hj Asri Sarbun. Pada masa yang sama, logo bagi Sambutan Jubli Perak PoliPD ke 25 turut dikenalpasti dan sambutan akan dilaksanakan mulai Jan 2015. Pelbagai aktiviti dan program sedang disusun oleh Urusetia Jubli Perak PoliPD yang diketuai oleh Tn Haji Sahul Abdul Wahab. (Marlya bt Dahuri)

E-Learning at MEDIU



9 Sept – In recent years, e-learning has a popular and viable alternative to more traditional forms of education. With this aim, a team of lecturers from Polytechnic of Port Dickson has visited Al-Madinah International University (MEDIU). The team leader, Dr. Hj Isham Shah bin Hassan expressed the desire to extend the bridge of cooperation as well as to strengthen the relationship between Polytechnic Port Dickson and MEDIU in regards to the development of the advances in e-learning technology.

The team was welcomed by the MEDIU's Honorable CEO; Prof. Dr. Mohammed bin Khalifa Al-Tamimi, Deputy CEO of Research and Development; Assoc. Prof. Dr. AB Rahim Ismail, Manager of Administrative Affairs Division; Mr. Fuad Ahmad Umar Al'As along with MEDIU's IT Division officers. The PoliPD team was presented with e-learning aspects by the IT Division from External & Internal System Development, Technology Infrastructure Services and Internet Application Administration. Among the officers involved were Mr. Zainul Azhan Ahmad Bashir, Miss Asnita Hashim, Mr. Wan Nurussalam Qutbuddin Wan Abdul Aziz and Mr. Yazeed AlSayed Ali'Al Moayed.

(Dr. Isham Shah Hassan)

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN SIRIM

20 -21 Nov - Politeknik Port Dickson telah diaudit oleh pihak SIRIM Qas International Sdn Bhd.

Pihak SIRIM diwakili oleh Puan Parimala Devi Ganesan (Ketua Pasukan Audit), En Wan Mohd Burhanuddin, dan En Shahanif bin Hassan. Untuk kali ini, jabatan yang diaudit adalah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Hasil daripada pemantauan ini PPD direkodkan tiada laporan ketakakuran namun terdapat enam (6) OFI iaitu peluang penambahbaikan. Bagi pihak pengurusan PPD terima kasih diucapkan kepada semua warga PPD yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang 2 hari proses pemantauan ini. (Rohana Hassan Basri)



"Smart Walking Stick"



11 – 12 Okt – Produk MySEL-77, Smart Walking Stick JKM telah berjaya menjadi pemenang di Peringkat Zon selatan dan seterusnya melayakkan diri ke peringkat nasional dalam Pertandingan MyINOVASI. Dengan bertemakan Inovasi Berbudai Masyarakat Lestari, produk MySEL-77 ini telah meraih hadiah kemenangan dan Geran Inovasi bernilai RM5000.00. Produk MySEL-77 telah diselia oleh En. Ragunathan A/L Jayaraman dan dihasilkan oleh pelajar JKM; Nurazmeer Bin Zainuddin (06DEM11F1003), Muhammad Nurziq Bin Abd Ghani (06DEM11F1019), Mohammad Aizat Fareez Bin Lizan (06DEM11F1041) dan Muhammad Nor Hafiz Bin Mohd Khalil (06DEM11F1055) telah berjaya melepasi saringan di kalangan 1500 produk lain yang mewakili IPTA, IPTS, Institut Perguruan, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. (Tham Sook Chan)

Majlis PERPISAHAN TKPO

20 Ogos – Politeknik Port Dickson telah menjadi tuan rumah serta penyelaras bersama Jabatan Pengajian Politeknik dalam menganjurkan Majlis Perpisahan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pengajian Politeknik iaitu Tuan Haji Kamarudin Hamzah. Majlis ini telah dihadiri oleh Dato Hj Mokhlis Ketua Pengarah JPP serta Timbalan Ketua Pengarah Akademik Hj Ghaus Abd Kadir, Timbalan Ketua Pengarah Strategik En Shabuddin Man, Pengarah Bahagian, Pengarah Politeknik dan warga jabatan pengajian politeknik. Seramai 440 warga jabatan pengajian politeknik turut hadir di majlis ini. Majlis telah diserikan dengan persembahan kebudayaan artis di kalangan pelajar Politeknik Port Dickson serta pasukan kugiran dari Politeknik Kota Melaka. Diucapkan semoga TKPO menjalani era persaraan yang bermakna. *"With retirement comes new horizons and we hope that you enjoy every second of your new found freedom. Wishing you all the best."* (PRO)



Sekolah Angkat POLITEKNIK



8 Ogos – Satu program yang dikenali sebagai Sekolah Angkat Politeknik (SAP) telah diperkenalkan bagi membina hubungan yang lebih akrab di antara kedua-dua institusi. Jalinan yang erat melalui aktiviti bersama yang akan dilaksanakan nanti diharap mampu membuahkan hasil yang baik bagi kedua-dua pihak. Justeru itu beberapa program sedang disusun bagi merealisasikan program Kementerian Pendidikan Malaysia. Buat peringkat permulaan, beberapa jabatan akademik telah memulakan beberapa aktiviti dengan pihak sekolah. Berikut adalah senarai jabatan dengan sekolah angkat politeknik. (Izawati Isa)

Jabatan	Sekolah Angkat	Program	Tarikh
Jabatan Pengajian Am	Sekolah Tinggi Port Dickson	CSR – Jati Diri : Remaja Gemilang	28 Sept 2014
	Sekolah Menengah Rantau	Karnival JPA & Jom Masuk Polipd	15 Jan 2014
	Sekolah Samsudian Nain Rantau		
Jabatan Matematik, Sains & Komputer	Sekolah Agama Teluk Kemang	Persediaan bagi Menghadapi Peperiksaan	15 Okt 2014
			29 Okt 2014
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	Sekolah Menengah Bukit Saujana	Mengemaskini Data Calon SPM 2014	23 Sept 2014
Jabatan Perdagangan	Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Panjang	Lawatan sekolah	23 Julai 2014
		Program International Collaboration 2014 & Program Pembudayaan Keusahawanan	13 Ogos 2014
Jabatan Kejuruteraan Awam	Sek Men Keb Datuk Abdul Samad	Kursus Auto Cad	27-28 Ogos
			5-6 Sept



Ketua Pengarah JPP (Lima dari kiri) bersama barisan Timbalan Ketua Pengarah JPP serta Pengarah-Pengarah Politeknik

“GREEN REVOLUTION”

9 – 10 Ogos - Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah menawarkan program baharu iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau) mulai sesi Jun 2014. Seramai 45 orang pelajar telah mendaftar sebagai kohort pertama. Selaras dengan itu, beberapa program telah disusun bagi mempromosikan program yang pertama dalam pengajian politeknik. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Program *Green Revolution* yang dikendalikan oleh pihak YAWA (Yayasan Anak Warisan Alam) dan diterajui oleh En. Mohd Fikri Mohd Bakri selaku Pengarah Pendidikan Lestari YAWA. Pada sesi pertama para pelajar berpeluang menghasilkan muzik dari bahan-bahan kitar semula dan pelajar ini telah diberi peluang untuk membuat persembahan semasa Persaraan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan juga Malam Anugerah Asrama. Sesi yang kedua pula adalah penghasilan produk dari bahan terpakai seperti penghasilan lilin dan sabun dari minyak terpakai dan penghasilan baja dari sisa makanan, kertas dari bahan buangan, dan sebagainya.

Dengan adanya program ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman pelajar, bahawa aktiviti Green bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan rumah/institusi malahan yang paling utama adalah untuk mengekalkan kelestarian alam supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang. (Zainab bt Musri)



HARI INOVASI 2014

“INOVASI ASPIRASI TRANSFORMASI”



8 Okt - Pertandingan Inovasi PPD 2014 merupakan platform kepada 21 individu dan kumpulan pelajar semester akhir untuk mempamerkan produk inovasi mereka kepada warga politeknik, komuniti, agensi kerajaan dan industri yang berkaitan. Antara tujuannya ialah untuk merealisasikan idea inovasi transformasi bidang kejuruteraan dalam bentuk produk yang boleh dikomersilkan. Budaya ini menghendaki setiap jabatan (JKA, JKE, JKM dan JP) menghantar juara hasil produk pelajar semester akhir mereka dalam pertandingan ini sebagai syarat kelayakkan mendapatkan anugerah diploma di Politeknik. Kerjasama kumpulan pelajar dan pensyarah dan dihakimi oleh panel industri mengikut bidang. Inovasi terbaik adalah Machine Recycle Paper (JKE), Robosot (JKM), Smart Silence Boy (JKA) dan S4 Community Centre (DSB). Inovasi kedua terbaik adalah Bluetooth Enable Door Lock (JKE), Alat Pengayak Tepung Automatik (JKM), Portable Clean Waste Toilet (JKA), Archive Agora Centre (DSSB). Manakala ketiga terbaik adalah Sistem Keselamatan Rak Pameran Barang Kemas (JKE), Remote Control Car Using Smartphone (JKM), Producing Roof Finishes By Using Plastic Bottle (JKA) dan Smart Edu Centre (DSB). JP tidak mendapat sebarang tempat kerana konsep Modul mereka adalah berbeza (Nur Sharul Atikah bt Ishak)

Robot POLIPD ke KOREA

22-26 Okt Korea – Bidang Robotik Politeknik telah menerjah ke persada antarabangsa apabila PoliPD berjaya melayakkan pasukannya ke pertandingan Robot World Korea 2014 di Korea International Exhibition Center (KINTEX), Goyang City yang turut disertai 200 peserta dari seluruh negara. Pasukan PoliPD telah menyertai 2 kategori. Kategori Technical Challenge dikendalikan oleh seorang peserta di mana robot menggunakan sensor untuk melepasi halangan secara automatik dan remote control pada bahagian kedua untuk mengambil barang. Manakala kategori team play dikendalikan oleh dua peserta di mana robot direka menyiapkan dua tugas. Robot automatik akan menghantar barang ke bahagian manual mengikut warna yang ditentukan dan robot manual akan menghantar barang ke dalam kawasan yang ditentukan. Kecekapan dan kepantasan masa menyiapkan tugas kepada robot yang direka menjadi ukuran kepada kejuaraan robot kreatif dalam kategori technical challenge dan team play secara berperingkat. (Ahmad Affendi Abdul Khalil)



TEKNIK SUPER STUDY

15 Ogos - Mengamalkan teknik belajar 'super study' yang berkesan telah membawa bekas alumni PKB Ke PoliPD bagi berkongsi ilmu dan pengalaman untuk lebih cemerlang dan mempunyai motivasi maksimum. Menurut Ustaz Mohd Hafiz Mohd Zawawi, juga bekas Finalis Pencetus Ummah musim pertama, beliau pernah menggunakan sistem pembelajaran yang berkesan. Program anjuran JMSK ini berjaya menarik pelajar seramai 300 orang agar berupaya meningkatkan keyakinan dan potensi diri, sahsiah yang cemerlang dan belajar menggunakan teknik yang betul. (Noor Azizah Ibrahim)



Kerjasama PoliPD bersama POLIMED

18 Nov – Politeknik PD dan Politeknik Negeri Medan (POLIMED) telah berjaya menjalin hubungan dua hala dalam bidang Mekanikal dan Perdagangan setelah 2 NOU ditandatangani pada bulan Jun dan November lalu. Bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal - POLIMED, NOU (Nota Kesefahaman) dalam usaha mewujudkan persefahaman perkongsian strategik dalam skop pendidikan dan latihan antara kedua pihak bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam teknologi yang diguna pakai. Disusuli pula MOU diantara Jabatan Perdagangan-POLIMED di mana kedua pihak telah menandatangani satu perjanjian kerjasama dua hala (*Working Relationship Agreement*) dalam program *International Collaboration* (IC' 2014) pada November 2014. (Juhana Simarani)



Barisan delegasi Polimed bersama Pengarah PPD (dua dari kiri)



Kursus Komputer untuk JKR



21 – 22 Ogos - Sekali lagi program kolaborasi antara JMSK dengan Jabatan Kerja Raya Port Dickson dilaksanakan. Program ini berjaya memberikan latihan 'hands-on' berterusan apabila 30 pesertanya menerima tunjuk ajar Microsoft Excel 2010. Hasil dari bengkel ini, peserta mengetahui fungsi asas, menyunting dokumen, memformat dokumen, menggunakan ciri-ciri tambahan dalam MS Word 2010 serta mencetak hasil laporan. Penganjuran kursus secara kolaborasi ini dapat memberi faedah yang amat berkesan dan diharap dapat diteruskan kerana ianya memberi kesan yang amat positif dalam usaha untuk menjalin hubungan di peringkat luar jabatan dalam perkongsian ilmu dan pengetahuan. (Noor Azizah bt Ibrahim)

Kefahaman KELESTARIAN ALAM perlu ditingkatkan

13 Ogos – Walaupun terdapat pelbagai usaha dan kempen berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, kesedaran masyarakat terhadapnya masih rendah. Sehubungan dengan ini, Kelab Warisan Alam (KWA) telah ditubuhkan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman dan penglibatan terhadap keperluan ini. Dalam satu majlis perasmian kelab, Pengarah Politeknik Port Dickson Mejar (K) Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim mengingatkan kepada ahli kelab agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar dan mencontohi amalan kesedaran terhadap alam sekitar oleh masyarakat luar seperti di New Zeland dan Jepun. Turut hadir bersama di majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Tn Hj Asri Sarbun, Ketua Pengajian Am; En Latiff Hydros serta penasihat kelab Pn Izawati Isa, Ustaz

Hamdan Sulaiman dan Ustaz Zamri Ibrahim.

KWA diketuai oleh Nyak Dedy Irawan Abdul Jalil pelajar semester 3 program Pemasaran bersama 20 orang ahli jawatankuasanya. Bagi sesi ini, beberapa aktiviti telah berjaya dilaksanakan antaranya Gotong Royong Alam, *Teambuilding* Warisan Alam serta program menyelenggara dan menanam pokok-pokok herba. Kelab ini sedang merancang untuk menggiatkan lagi aktiviti kelab di semester hadapan. Semoga semua akan sentiasa menyokong usaha KWA bagi menjamin kesejahteraan dan kelestarian alam semesta. (Hamdan Sulaiman)



Bijak Urus Kewangan Peribadi

31 Ogos – Menguruskan wang dengan bijak adalah amat mustahak dalam kehidupan. Apatah lagi memberi nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar kerana ianya melibatkan situasi sebenar yang berlaku dalam dunia kewangan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Seramai 39 pelajar semester dua Jabatan Perdagangan telah menerima pembelajaran dari pihak "industri" tidak langsung Encik Romzi Abu Bakar, Pengurus dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Hasil dari pendedahan ini, diharapkan pelajar akan mendapat input yang lebih jelas tentang kursus *Personal Financial Management*.

PROGRAM JATI DIRI REMAJA GEMILANG



28 Sept– Remaja adalah golongan yang senang dipengaruhi oleh keadaan di sekeliling mereka. Bagi menjamin agar mereka memperolehi pengaruh yang baik, jiwa mereka perlu dipenuhi dengan input yang sihat dan positif. Selaras dengan ini, Masjid Jamek Port Dickson dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am, PoliPD telah melaksanakan program Jati Diri: Remaja Gemilang bagi menyediakan landasan kepada golongan remaja khususnya pelajar sekolah dan institusi pengajian.

Program ini telah dirasmikan oleh Eksekutif Masjid Jamek iaitu Muhammad Abu Dhirar bin Burhanuddin serta dihadiri oleh Imam 2 Masjid Haji Rosli Mohd Yusof. Seramai 30 peserta terdiri dari pelajar tingkatan tiga dari SMK Tinggi Port Dickson (STPD), SMK Dato' Abdul Samad (SDASA) dan SMK Saujana terlibat dengan program ini. Sementara itu, untuk menanam sifat kepimpinan, nilai keperibadian serta komunikasi yang tinggi, seramai 14 orang pelajar politeknik Port Dickson turut terlibat sebagai urusetia pelaksana program tersebut.

Disamping membimbing pelajar khususnya pelajar yang akan menduduki peperiksaan PT3 bagi subjek Bahasa Inggeris, program ini diadakan bagi memancing minat untuk berbahasa Inggeris di luar bilik darjah. Di akhir program, peserta telah memberikan maklumbalas yang positif serta berusaha untuk menghadapi peperiksaan PT3 dengan penuh keyakinan dan persediaan. (Nurul Balqis Ahmad Zakaria)

JOB INTERVIEW SEMINAR by MAHB

20 Sept – Job Interviews can be scary. Many students have little experience in being interviewed for positions when they begin seeking for work placements. Hence, the English Language Unit has organized a seminar on job interview skills for polytechnic students of semester 5. This seminar aimed to develop and improve their interview skills and maximize their potential. This seminar addressed general preparation, what to expect, and answering behavior-based and other tough, important interview questions. The speaker was Mr Muhammad Ridhwan Rosli, the Recruitment Officer from the Malaysian Airport Berhad Holding (MAHB). He has a wealth of experience with a background in business management, recruitment and career development. More than 400 students attended the seminar. At the end of the session, the students have gained valuable insights on job interview skills. Besides that, they are encouraged to upload their personal and academic data for future work placement in MAHB. (Lee Ming Fong)



Seminar Wanita

8 Okt - Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Sembilan dengan kerjasama Politeknik Malaysia Port Dickson telah menganjurkan Program Seminar Wanita Bebas Jenayah Seksual (WAC-Women Awareness Campaign). Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada wanita mengenai isu-isu kewanitaan serta jenayah melibatkan wanita sebagai mangsa. Program ini telah dihadiri YB Adun Bagan Pinang Tun Hairuddin bin Abu Bakar serta 250 pelajar dan komuniti setempat. (Yusnizam bin Yahaya)

JKA MELUKIS MURAL DI SEKOLAH



9 – 30 Ogos – Seramai 100 pelajar program senibina, Politeknik Port Dickson bangga mencipta rekod melukis mural di dinding sekolah baru Sekolah Kebangsaan Taman Intan Perdana. Program ini telah diketuai dan diselenggarakan oleh pensyarah JKA ; En Muhammad Sadli Abdullah. Ketua projek Lukman Jafri, 19 dan Muhd Zulrifki Shari, 20 menyatakan ini merupakan pengalaman yang sukar untuk dilupakan serta amat bermakna. Komitmen sangat baik ditunjukkan oleh semua pelajar walaupun menghadapi kekangan masa di bulan Ramadhan. Ezra Eden Raj, pelajar India menyatakan keseronokan bekerja dalam kumpulan dapat meningkatkan motivasi dan sahsiah diri selain mempraktikkan apa yang dipelajari dalam modul mereka *Quantity Measurement, Management and Softskill*. "Bagaikan mengantuk disorongkan bantal" perasaan gembira dan teruja Guru Besar sekolah berkenaan, Tn Hj Hamzah Jantan menyatakan beliau terharu melihat ketelitian serta disiplin dalam melaksanakan program ini. Satu majlis penutup telah diadakan di akhir program ini dan ia turut dihadiri oleh ADUN Bagan Pinang, Tun Hj Khairuddin, AJK surau, PIBG, pegawai penguatkuasa dan wakil dari PPD. (Muhammad Sadli Abdullah)

Kolaborasi bersama Jimah East Power Sdn Bhd dan MIGHT



17 Nov – Jimah East Power Sdn Bhd bakal membina sebuah loji janakuasa arang batu berkapasiti 2000 Megawatt di mukim Jimah Negeri Sembilan. Dalam pada itu, Program Offset akan dijalankan bersama pihak Politeknik Port Dickson dalam penyediaan keupayaan dan kepakaran untuk pembangunan pelajar jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal. Program Offset yang dirangka adalah berdasarkan objektif seperti penyediaan simulator sebagai alat latihan (*training simulator*), pemindahan teknologi (*technology transfer*) dan pembangunan modal insan (*human capital development*). Simulator yang dicadangkan akan dijadikan sebagai alat untuk latihan praktikal mengenai sistem operasi dan kawalan loji janakuasa arang batu. Untuk itu, pada tarikh 17 November 2014, Jimah East Power Sdn Bhd bersama *Malaysia Industry Government Group of High Technology (MIGHT)* telah hadir ke Politeknik Port Dickson bagi merangka persefahaman dan memberi penerangan lanjut mengenai Program Offset tersebut. Sesi perbincangan dan soal jawab telah dhadiri oleh Tuan Pengarah Tn Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim bersama sama ketua jabatan dan para pensyarah JKE. Semoga persefahaman yang dimulakan akan memacu deras usaha kita bagi melahirkan generasi berilmiah, kreatif dan inovatif yang bertaraf dunia. (Azilah Asri)

Delegasi Kebudayaan IPT

24-27 Jun - Dua orang pegawai kebudayaan serta 4 pelajar artis budaya Politeknik Port Dickson telah menyertai Program Kolaborasi IPT Antarabangsa dan Eksplorasi Budaya di Tanjung Pinang, Indonesia dan Singapura anjuran Unit Kebudayaan dan Warisan Politeknik Zon Selatan. Turut serta di dalam program ini adalah Pegawai Kebudayaan dan artis budaya 5 Politeknik yang lain. Program ini bertujuan untuk menyelurusi budaya Melayu Indonesia di Tanjung Pinang dan Pulau Penyengat yang terkenal dengan Gurindam Dua Belas. Selain itu, pihak Politeknik juga berkesempatan melakukan program kolaborasi bersama UMRH; Universiti Maritim Raja Ali Haji. Para rombongan juga sempat menyalurkan sumbangan wang ringgit kepada Pesantren Al-Ghazi (Rumah Anak-anak yatim) di kawasan Dompok dan Masjid Raya Sultan Riau. (Nurfarizah bt Ishak)



Kolaborasi KUIM dan JKE PPD

1-3 Nov - Beberapa orang para pensyarah JKE telah terpilih sebagai penceramah bagi Kursus Elektronik dan Sistem Kawalan bagi pelajar fakulti sains dan Teknologi Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di bawah program 'Time Sector Privatisation' pada 1 hingga 3 November 2014 di Makmal JKE PPD. Kolaborasi ini dijalankan dengan membantu pelajar dalam pelaksanaan amali, penyediaan alatan dan penilaian markah amali tersebut. Usahasama ini diharap dapat membantu melancarkan perjalanan kursus tersebut demi kecemerlangan institusi bersama. (Azilah bt Asri)

Permata Baru Taekwando Politeknik Malaysia

PORT DICKSON – Ain Arina Binti Abdul Majid, pelajar semester 2 Diploma Senibina (DSB) Politeknik Port Dickson merupakan atlet taekwando yang telah mengharumkan nama Politeknik Malaysia. Sepanjang karier bersama MSP, beliau telah berjaya mendakap kejayaan dalam kejohanan yang disertainya. Antaranya seperti keterangan berikut:

BIL	KEJOHANAN YANG DISERTAI	PENCAPAIAN	TEMPAT
1	Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Edisi 2014 (Light Weight)	PERAK	UiTM Shah Alam
2	Kejohanan 8th CK - Malaysia Classic International TAEKWANDO CHAMPIONSHIP 2014' (Antarabangsa)	PERAK	Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor
3	Kejohanan 1st JCALICU MBW International Taekwando Invitational Championship	PERAK	Stadium Badminton Cheras, Kuala Lumpur.
4	Kejohanan 1st MBW International Taekwando Invitational Champ 2014(Antarabangsa)	PERAK	Jogjakarta, Indonesia



Beliau telah dibimbing oleh Jurulatih daripada Majlis Sukan Politeknik yang bertempat di Politeknik Mersing. Beliau hampir dipilih ke Asean University Games (AUG) 2014 di Palembang namun belum cukup untuk beliau mewakili Team AUG Malaysia namun beliau tetap meneruskan latihan untuk meningkatkan pencapaian seterusnya mewakili Malaysia di kejohanan yang lebih berprestij.

Petanque PPD menyinar di POLISAS

Kuantan – Kejohanan Petanque Politeknik Malaysia telah diadakan pada 17 hingga 20 September 2014 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah Darul Aman. Pasukan Ping Pong Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) PoliPD telah menghantar 2 pasukan lelaki yang terdiri daripada 5 orang pemain

Nama Pemain Petanque PoliPD	Metrik No.	Kategori	Pencapaian
Mohd Saifol Bin Mosnon	06DET12F1057	Double Lelaki	Perak
Mohd Khairul Hakim bin Adnan	06BSB14F1001		
Muhammad Rusyduddin Bin Mohammad Lazim	06DET12F2030	Triple (lelaki)	Gangsa
Muhammad Rahmat Bin Mohammad Lazim	06DET12F2029		
Mohd Firdhaus bin Zolkafli bin Zolkafli	06DET12F1018		

En Azhmad Zaidi bin Mispan selaku Pengurus dan Jurulatih pasukan Petanque PoliPD telah berjaya membimbing pasukan sehingga mereka berjaya ke peringkat Akhir dan separuh akhir bagi kategori Men Doubles dan Men Triples. Namun, mereka tewas di perlawanan akhir namun ia telah memberi pengalaman paling berharga untuk dibawa bersama semasa Kejohanan Petanque IPT yang akan dianjurkan nanti.

PING PONG polipd cemerlang di ping pong MSP 2014

Kulim – Kejohanan Ping Pong Politeknik Malaysia telah diadakan pada 17 hingga 20 September 2014 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), Kulim, Kedah Darul Aman. Pasukan Ping Pong Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) PoliPD telah menghantar 2 pasukan lelaki dan wanita yang terdiri daripada 6 orang pemain, seorang pengurus dan jurulatih. Mereka adalah Khairil Bin Ahmad (06DTK11F2052), Zaidi Azhar bin Abdul Razak (06DKM12F1118), Muhammad Haziq bin Mohd Desa (06DET11F2102), Nurul Hidayah Binti Shahrhan (06DPR13F1018), Nurul Alia Dyana Binti Raimi (06DPR13F1018), dan Nurul Adilah Binti Johari (06DAT11F2009). En Mustaffa Kamal bin Mohamed selaku Pengurus Pasukan dan En Zaini bin Kemon selaku jurulatih pasukan Ping Pong PoliPD telah membimbing pasukan sehingga mereka berjaya ke peringkat Akhir. Namun, mereka tewas di perlawanan akhir yang sengit namun ia telah membanggakan Politeknik Port Dickson. Pasukan Lelaki telah tewas kepada Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Pasukan Wanita juga tewas kepada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kedua-dua pasukan lelaki dan wanita telah merangkul Naib Johan Kejohanan.

PASUKAN ragbi PPD kurang sengat di kejohanan ragbi terbuka politeknik 2014

Shah alam – Kejohanan Ragbi Terbuka Politeknik Malaysia 2014 telah berlangsung pada 19 hingga 21 September 2014 di Padang Ragbi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Shah Alam, Selangor. Pasukan Ragbi PoliPD yang juga dikenali PoliPD Dolphins telah dibimbing oleh Pengurus Kelab iaitu En Azharizal bin Santib dan En Hilal bin Abdul Aziz selaku jurulatih pasukan. Seramai 17 pemain lelaki telah menggalas tanggungjawab untuk mendapatkan kemenangan edisi kali ini yang mencatatkan penyertaan teramai dari kelab ragbi seluruh Malaysia. Senarai pemain-pemain adalah Muhammad Ilyas bin Zakaria (06DKM12F1080); Muhamad Aghniya Waliyuddin Bin Mohamad Arifin (06BET13F10043); Muhammad Fakhri Hadi bin Jamaluddin (06DAD14F1078); 4) Danial Akmal bin Sazali (06DKA14F1085) Muhamad Syahrul Nizam bin Md Isa (06DTK13F2017) 6) Mohd Zikrie Hazim Bin Amran (06DKA12F1071); Muhammad Zikri Bin Md Zain (06DET12F1072); 8) Muhammad Nidzar Bin Md Najib (06DAD11F2006) 9) Abdul Hakim bin Abdul Talib (06DET14F1028); 10) Mohd Nabil bin Hashim (06DTP14F1003); 11) Muhd Fadzil bin Mariyono (06DTP14F1013) 12) Muhammad Nazmi bin Ibrahim (06DTP14F1020) 13) Muhammad Nor Alif bin Mardani (06DKM14F1098) 14) Norhaikal bin Abdul Malek (06DKA13F2090); 15) Muhammad Amiruddin bin Noor Azizi (06DTP13F1031) 16) Ahmad Farhan bin Mohd Hapipi (06DKM13F2048) dan 17) Nizamuddin Al Hadi Bin Nordin (06DAD13F1042). Mengikut rekod, pencapaian tahun 2012 dan 2013 adalah Naib Johan Kategori BOWL. Namun, lain pula ceritanya pada 2014, mereka tewas di Final Kategori SPOON dengan UiTM Puncak Alam. Pasukan Ragbi akan meningkatkan jumlah latihan dan menyertai lebih banyak Kejohanan Ragbi di peringkat nasional.